



## Pembinaan bangsa Malaysia (1): Kajian empirikal tahap patriotisme belia

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain<sup>1</sup>, Shamsul Anuar Nasarah<sup>1</sup>, Zaheruddin Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>School of Government, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

Correspondence: Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (email: sh.rokiah@uum.edu.my)

### Abstrak

Tahap patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia pada masa kini dikatakan masih rendah berdasarkan pelbagai kejadian semasa, malah amat sukar untuk meletakkan tahap yang sebenarnya secara saintifik atau ilmiah disebabkan tiada bukti konkret. Objektif kajian ini adalah menentukan tahap patriotisme belia di Malaysia berdasarkan aspek kefahaman terhadap sistem pentabiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Sebanyak 1500 sampel diambil dalam kalangan belia berumur antara 15 hingga 30. Analisis deskriptif dilakukan ke atas data daripada borang kaji selidik. Hasil kajian menunjukkan tahap patriotisme belia di Malaysia dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73 peratus dengan nilai min sebanyak 7.26. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan hujah yang mengaitkan belia tidak patriotik berdasarkan pelbagai peristiwa berlaku di Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar usaha kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (Belia) pada masa kini wajar diteruskan kerana ia dapat membentuk belia atau masyarakat yang berpatriotik.

**Katakunci:** belia, indikator patriotisme, nasionalisme, pembinaan bangsa, polisi belia, tahap patriotisme

## Malaysia's nation building (1): An empirical study of youth patriotism

### Abstract

A citizenry's patriotism may be gauged from variables such as their knowledge of the nation's administration system, pride in being citizens of the country, sense of belonging and loyalty to the country, upholding of the country's good reputation through proper conduct, and willingness to enhance the country's economic productivity. This study examined the patriotism level of Malaysian youths based on these indicators of patriotism. Primary data were gathered from a field survey of 1,500 randomly sampled Malaysian youths aged 15 to 30. Data analysis showed that the prevailing level of the youth patriotism was high at 73 percent with a mean of 7.26. Still, there was room for improvement and this could be found within the ambit of the country's formal and informal education system designed to enhance all those patriotic values.

**Keywords:** indicators of patriotism, level of patriotism, nationalism, nation building, youth, youth policy

### Pengenalan

Belia adalah aset bernilai kepada negara kerana golongan ini memegang tanggungjawab besar terhadap pembangunan negara pada masa akan datang. Berdasarkan sumber Kementerian Belia dan Sukan (2015),

belia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun ( $\geq 15$  hingga  $< 30$  tahun). Ezhar Tamam et al. (2006) berpendapat belia berperanan sebagai agen memastikan keharmonian dan perpaduan negara terus berkekalan. Oleh itu, nilai murni dalam patriotisme terhadap negara perlu diperkasa dari semasa ke semasa. Patriotisme berasal daripada perkataan Greek iaitu *patriotes* (*fellow countrymen*) (Billig, 1995; Griffin, 2005) atau individu mahupun kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air. Patriot dikatakan seorang yang cintakan negara dan akan membuat apa sahaja untuk mempertahankannya. Menurut Gomberg (2002) dan MacIntyre (1995), patriot bermaksud orang yang mempertahankan (memperjuangkan) kebebasan, hak tanah air atau pembela negara. Seseorang dianggap patriot apabila tindakannya berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi, 2003).

Kumpulan penyelidik seperti Schatz et al. (1999) berpendapat patriotisme boleh dibahagikan kepada dua perspektif iaitu *blind patriotism* dan *constructive patriotism*. Perspektif *blind patriotism* merupakan keadaan sokongan tidak kritis terhadap tindakan oleh sesuatu kumpulan. Walau bagaimanapun, *constructive patriotism* (atau juga dikenali sebagai *critical patriotism*) merupakan kesedaran kritis tentang kepentingan kesetiaan oleh sesuatu kumpulan. Matlamat *constructive patriotism* adalah untuk penambahbaikan dan peningkatan sistem sosial semasa, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Schatz et al. (1999) mendapati kedua-dua jenis patriotisme ini berbeza disebabkan *blind patriotism* menekankan kepada kerjasama melalui politik konservatif atau identiti parti politik, sebaliknya *constructive patriotism* lebih menekankan kepada kerjasama melalui kecekapan perlaksanaan politik, ilmu pengetahuan politik, pengumpulan maklumat politik dan aktiviti politik. Oleh itu, *constructive patriotism* dilihat lebih membantu dalam pemerkasaan agenda patriotisme seperti dalam kalangan belia di Malaysia.

Sehingga kini, alaf globalisasi menyaksikan pelbagai implikasi negatif terhadap masyarakat berlaku saban hari baik melalui media massa, budaya kebaratan, isu kebebasan bersuara, hak asasi manusia dan sebagainya. Masyarakat terdedah dengan pelbagai perkara buruk dari luar baik secara psikologi mahupun tindak-tanduk sehari-hari mereka dalam hidup. Kesannya, wujud pelbagai isu yang kurang baik kepada pembinaan sebuah negara yang teguh lagi berdaulat, terutamanya kepada golongan belia atau masyarakat secara amnya. Hal ini menggambarkan bahawa nilai-nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia juga akan tergugat disebabkan pelbagai isu yang muncul dalam kalangan kelompok tertentu seperti berkaitan kesetiaan kepada raja dan negara, perlombongan, politik, agama dan bangsa. Umpamanya, petikan kisah tunjuk perasaan (atau Perhimpunan BERSIH) yang boleh mencemarkan imej negara sekaligus tidak menunjukkan nilai murni dalam patriotisme tentang cintakan negara atau tanah air ke arah keharmonian dan kestabilan sistem pemerintahan yang dipetik daripada kumpulan esei terbitan Perpustakaan Negara Malaysia (2015).

*"KUALA LUMPUR: Pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan parti politik terus mendesak penganjur Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) supaya membatalkan segera perhimpunan dijadualkan 9 Julai ini kerana ia akan menjelaskan pendapatan peniaga dan pemandu teksi sekitar ibu negara. Malah, perhimpunan itu yang kononnya bertujuan menuntut pilihan raya lebih telus dan adil, hanyalah gimik politik didalangi pembangkang untuk menimbulkan kekecohan dan mencalarkan imej negara yang aman. Jika penganjur mahu serahkan memorandum, kumpulkan wakil 10 orang untuk menghadap Yang diPertuan Agong dan hantarlah memorandum setebal 1000 mukasurat sekalipun. Mengapa mahu menyusahkan rakyat dan apa tujuan sebenar mereka jika bukan untuk memporakperandakan keamanan negara, katanya selepas sesi dialog dengan Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA) Wilayah Persekutuan di sini, semalam. Sementara itu, di Melaka, Ummi Hafilda Ali berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak perlu mengheret rakyat menyertai perhimpunan BERSIH, sebaliknya perlu membersihkan dirinya terlebih dulu daripada isu video seks. Kenapa mahu memalukan negara dengan huru-hara. Kita bukan seperti pemimpin Mesir yang digulingkan kerana penyalahgunaan kuasa dan kezaliman. Ini sebab Anwar yang berdosa, dia tanggung sendiri di mahkamah tanpa mengheret rakyat atau alihkan perhatian kepada isu BERSIH ini, katanya ketika ditemui selepas*

*mengiringi 18 Badan Bukan Kerajaan (NGOs) di Melaka membuat laporan bantahan perhimpunan BERSIH di Balai Polis Melaka Tengah, Bandar Hilir, semalam”.*

Berdasarkan kisah-kisah tersebut jelas memperlihatkan bahawa situasi yang berlaku pada hari ini kelihatan seolah-olah patriotisme semakin menipis. Hal ini mungkin lebih tepat dengan konsep yang dibawa oleh Schatz et al. (1999) tentang *blind patriotism* atau sokongan kritis terhadap sesuatu kumpulan atau perkara. Justeru, kisah tersebut dapat dirumuskan bahawa patriotisme dalam diri masyarakat pada hari ini semakin kurang dan memerlukan penelitian secara menyeluruh dalam konteks keilmuan. Menurut Habermas (1996), dalam situasi penyusutan nilai patriotisme, bukan sahaja kerajaan perlu memainkan peranan penting, malah golongan belia juga harus terkehadapan agar kedaulatan negara dan bangsa terjaga sepanjang zaman. Walaupun sesetengah individu atau golongan belia melalui persatuan bergerak aktif, namun begitu ia masih kurang menyerlah dari sudut patriotisme. Buktinya, Azimi Hamzah et al. (2002) mendapat golongan belia sehingga kini yang sepatutnya melibatkan diri dalam soal perjuangan membela tanah air berteraskan patriotisme, memperlihatkan kelesuan atau kelemahan dalam menyerlahkan patriotisme mereka. Malah, Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997) menyifatkan belia dan pertubuhannya di Malaysia kebanyakannya berada pada tahap kematangan bayi, sedikit di tahap belia dan segelintir mencapai tahap kematangan. Begitu juga Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1996) serta Dzuhalimi Dahalan et al. (2011) berpendapat bahawa bentuk patriotisme belia pada masa kini tidak banyak berubah berbanding dengan tahun-tahun 1970-an iaitu gagal melibatkan diri dalam soal meningkatkan patriotisme. Aktiviti mereka banyak menumpukan kepada kehendak ahli (persatuan), kepentingan peribadi, aktiviti tidak menyeluruh dan tidak pula bersifat kemasyarakatan, mahupun kenegaraan seperti memperkasa patriotisme masyarakat. Malah, Kementerian Belia dan Sukan (2004) berpandangan dalam Teras Peranan Pertubuhan Belia serta Teras Politik dan Integrasi Nasional juga menyatakan bahawa berlaku masalah kepimpinan, penglibatan, anjuran program kurang berkualiti dan tidak pula mampu memberikan kesan kepada pembentukan semangat sayang akan negara (patriotisme).

Affifuddin Omar (2002) berpandangan bahawa semangat yang longgar tentang patriotisme ditandai dengan kurangnya penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform, sambutan bulan kemerdekaan yang hambar, penglibatan dalam membanteras jenayah dan isu-isu yang menyentuh kedaulatan negara dianggap terpencil atau remeh seperti Pulau Batu Putih dan penambakan laut oleh negara jiran. Golongan belia hilang suara dan tidak berbisa dalam perjuangan bersifat patriotisme demi mempertahankan kedaulatan negara. Bahkan, penulisan daripada laporan akhbar tempatan iaitu Utusan Online (2010) berpendapat sikap belia yang sanggup membakar Jalur Gemilang, tidak menghormati lagu Negaraku dan menonjolkan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJ) sebagai ikon patriotisme mereka adalah sesuatu yang tidak patriotik seolah-olah menolak kepimpinan demokrasi pada hari ini. Oleh itu, masalah kajian meletakkan bahawa patriotisme dalam kalangan belia yang masih longgar atau rendah memerlukan kajian terperinci bagi menentukan tahap patriotisme sebenar golongan ini. Hal ini selaras dengan pendapat Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997) yang menyatakan tahap patriotisme memerlukan kajian secara emperikal kerana tiada bukti saintifik dan bersifat statistik.


Justeru, kajian ini menghujahkan bahawa patriotisme golongan belia memerlukan penelitian dari tujuh aspek berasaskan cerapan sejumlah kajian terdahulu iaitu kefahaman terhadap sistem pentabiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Kajian ini adalah penting dengan keperluan negara dalam mewujudkan keharmonian kaum, perpaduan nasional dan keselamatan negara selaras juga dengan Gagasan 1Malaysia, mahupun Dasar Belia Malaysia 2015. Secara umumnya, objektif kajian adalah untuk menentukan tahap patriotisme belia di Malaysia berdasarkan aspek kefahaman terhadap sistem pentabiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara.

## Ulasan literatur

Primoratz (2002) membahagikan patriotisme kepada dua aspek iaitu *value-based patriotism* dan *egocentric patriotism*. Aspek *value-based patriotism* merupakan kesetiaan dan kecintaan seseorang kepada negaranya adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang boleh memberi keuntungan dan kepentingan kepada rakyat seperti pencapaian negara dalam aspek ekonomi dan juga keistimewaan lain yang terdapat dalam negara tersebut. Namun demikian, *egocentric patriotism* pula merujuk kepada kecintaan dan kesetiaan seseorang itu terhadap negaranya semata-mata kerana “itu adalah negaranya” tetapi bukan disebabkan oleh keupayaan negara itu memberikan pencapaian dan keistimewaan tertentu kepada dirinya. Justeru, Ku Hasnita Ku Samsu (2007) berpendapat cinta yang sejati kepada negara adalah merujuk kepada *egocentric patriotism*. Individu-individu yang tergolong dalam patriotisme jenis ini akan melakukan apa sahaja untuk negaranya tanpa mengharap dan menagih sebarang ganjaran atau imbuhan kerana berpegang kepada prinsip ‘itu adalah negara mereka’. Namun, bagi individu-individu yang tergolong dalam *value-based patriotism* pula memperlihatkan diri mereka seolah-olah tidak ikhlas dalam meletakkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara kerana apa yang mereka lakukan adalah berpaksikan kepada kepentingan-kepentingan yang bakal diperolehi daripada negara.

Berdasarkan penulisan Ismail Ibrahim (2010), Malaysia (2009) serta perbincangan terdahulu mendapati maksud patriotisme sesuai dengan konteks Malaysia melibatkan tujuh nilai murni penting iaitu kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara (Rajah 1). Aspek-aspek penting dalam patriotisme ini telah diterima dan digunakan oleh Ahmad Fawzi Basri (2002), Ahmad Ahmad Rusdi (2002), Haminah Suhaibo (1999), Jaizah Mahamud et al. (2001), Kementerian Pendidikan Malaysia (1994; 2000) serta Sarifah Buyung (1998).

Maksud operasional bagi kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara melibatkan ilmu tentang sejarah pentadbiran negara, kemasyarakatan, sistem demokrasi negara, sistem kerajaan dan sistem beraja. Berbangga sebagai rakyat Malaysia adalah berakhhlak dan berbudi pekerti mulia, menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambing-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan dan jata negara), mempertahankan maruah bangsa dan negara serta menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa. Perasaan sayang kepada Malaysia pula merujuk kepada tanpa mengharap atau menagih sebarang ganjaran mahupun imbuhan kerana berpegang kepada prinsip ‘itu adalah negara mereka’. Malah, jauh sekali belia bersifat “*value-based patriotism*” sebaliknya bersifat “*egocentric patriotism*”. Perasaan kekitaan pula melibatkan bersatu padu dan berharmoni, bertolak ansur dan bertoleransi, bekerjasama dan tolong-menolong, hormat-menghormati, bersefahaman dan bermuafakat serta muhibah. Kesetiaan kepada negara melibatkan cintakan atau sayangkan bangsa dan negara, taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara, sedia berkorban untuk bangsa dan negara, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara serta peka kepada masalah dan isu tentang bangsa mahupun negara. Berdisiplin merangkumi maksud mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara, mematuhi peraturan dan undang-undang, berkelakuan sopan dan bertatasusila, bertanggungjawab, bertindak dengan wajar, bersifat amanah dan jujur serta berlaku adil dan bertimbang rasa. Berusaha ke arah peningkatan produktiviti melibatkan aspek rajin dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran serta menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara.



**Rajah 1.** Konstruk pembinaan konsep patriotisme belia

## Metodologi kajian

Menurut Sekaran (2006), sekiranya jumlah penduduk seramai 2.5 juta dan ke atas dengan aras keyakinan 95 peratus serta ralat sampel sebanyak 3.5 peratus, maka saiz sampel sesuai adalah sebanyak 1,353 orang. Walau bagaimanapun, saiz sampel kajian ini diambil lebih sedikit iaitu 1,500 sampel berbanding dengan yang dicadangkan oleh Sekaran (2006) agar dapat mengurangkan ralat. Jumlah sampel 1,500 orang tersebut diaghikhan secara peratusan mengikut zon dan negeri atau kawasan, kaum dan umur agar lebih mewakili. Proses pembahagian sampel dilakukan mengikut peratusan dalam kategori yang dianggap rawak atau sampel probabiliti. Kaedah yang dijalankan adalah pertama, membahagikan sampel 1,500 orang kepada enam zon iaitu utara, selatan, barat, timur, Sabah dan Sarawak. Memandangkan Zon Utara merangkumi Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, Zon Selatan terdiri daripada Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, Zon Tengah melibatkan Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak serta Zon Timur meliputi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, maka ia memerlukan taburan sampel agak sekata. Kecuali, bagi Zon Sabah dan Sarawak yang hanya melibatkan masing-masing satu negeri. Kesemua enam zon kajian tersebut membabitkan sebanyak masing-masing 250 sampel (Jadual 1 dan 2).

**Jadual 1. Kerangka persampelan kajian bagi Malaysia Barat**

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (66%)	Cina (25%)	India (8%)	Lain-Lain (1%)
Utara	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Selatan	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Timur	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Tengah	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
<b>Keseluruhan</b>		<b>1000</b>	<b>660</b>	<b>252</b>	<b>76</b>	<b>12</b>

**Jadual 2. Kerangka persampelan kajian bagi Malaysia Timur**

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (36%)	Cina (14%)	India (5%)	Lain-Lain (1%)	Bumi-putera (45%)
Sabah	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
	Jumlah	250	90	33	12	3	112
Sarawak	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
	Jumlah	250	90	33	12	3	112
<b>Keseluruhan</b>		<b>500</b>	<b>180</b>	<b>66</b>	<b>24</b>	<b>6</b>	<b>224</b>

Proses kedua adalah setiap zon, kecuali Sabah dan Sarawak, jumlah 250 sampel dibahagikan kepada negeri atau kawasan. Proses ketiga pula menetapkan jumlah peratusan sampel mengikut kaum bagi kesemua zon berdasarkan peratusan jumlah penduduk. Bagi Semenanjung Malaysia, kaum yang diambil perhatian adalah Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum (seperti orang Siam, Portugis dan sebagainya, kecuali Orang Asli tidak dimasukkan dalam kajian ini). Zon Malaysia Timur yang terdiri daripada Zon Sabah dan Sarawak pula dimasukkan bumiputera tempatan Sabah dan Sarawak memandangkan peribumi tersebut agak dominan. Proses keempat adalah mengambil kira saiz sampel mengikut umur responden dalam tiga kategori antara 15 hingga 30 tahun juga berdasarkan peratusan sampel kaum.

Persoalan seterusnya adalah “siapakah yang terlibat dengan persampelan?” Hal ini penting selepas mengetahui saiz sampel yang menjadi asas persampelan kepada setiap zon, negeri, kaum dan umur responden. Perbincangan sebelum menegaskan bahawa sampel adalah belia berbilang kaum mengikut peringkat umur di seluruh Malaysia. Mereka dipilih menggunakan teknik *convenience sample* iaitu responden diambil dalam kalangan belia secara bebas asalkan memenuhi jumlah sampel dari segi negeri, umur dan kaum. Kaedah ini dipilih kerana taburan belia yang terbuka dalam suatu kawasan luas sehingga mustahil untuk diambil secara rawak maupun sistematis.

Borang kaji selidik ini dibahagikan kepada lapan bahagian sebagaimana keperluan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap patriotisme. Bahagian A, latar belakang belia; Bahagian B, kefahaman terhadap sistem pentabiran negara; Bahagian C, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia; Bahagian D, perasaan sayang kepada Malaysia; Bahagian E, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara; Bahagian F, kesetiaan kepada negara; Bahagian G, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara; Bahagian H, peningkatan produktiviti demi negara. Bagi kesesuaian dengan analisis untuk melihat tahap patriotisme, maka bentuk pilihan jawapan ditukarkan kepada *rating scale* yang akan menghasilkan nilai min atau peratusan skor. Menurut Labovitz (1967), Reips dan Funke (2008) serta Taylor (1983), kajian berbentuk tahap patriotisme dalam kes kajian ini adalah berdasarkan psikologi, maka *rating scale* boleh memberikan jawapan yang meyakinkan. Kajian ini menggunakan selang kelas *interval* antara 1 (rendah) hingga 9 (tinggi). Bagi Armstrong (1987) dan Norman (2010), julat skala yang digunakan bergantung kepada pengkaji untuk menentukannya dan tiada menjadi kesalahan sekiranya menetapkannya tanpa justifikasi kukuh. Dalam hal ini, pengkaji menetapkan bahawa julat antara 1 hingga 3 adalah tahap patriotisme rendah (R), julat 4 hingga 6 adalah patriotisme sederhana (S) dan julat 7 hingga 9 adalah patriotisme tinggi (T). Oleh itu, nilai min maksimum adalah 9.0 dan paling rendah adalah 1.0. Justeru, kajian tahap patriotisme belia bukanlah suatu yang janggal sekiranya menggunakan *rating scale* sepertimana pendapat pengkaji-pengkaji di atas.

Instrumen kajian ini diuji terhadap satu kawasan pada peringkat awal bagi menentukan kesesuaian item ujian serta konstruk yang digunakan. Sebanyak 50 responden diambil secara *convenience* dalam Negeri Perlis, seterusnya diuji sekali lagi dalam konteks Malaysia setelah semua data dikumpul. Hasil analisis daripada sampel sebanyak 50 responden menggunakan *cronbach alpha* mendapati sangat baik iaitu sekitar 0.937 dan dalam konteks seluruh Malaysia sekitar 0.925. Ujian bagi menentukan kewibawaan konstruk dan item ujian atau saling kaitan antaranya menggunakan Korelasi Pearson. Hasil analisis bagi pilot test menggunakan 50 responden mendapati terdapat saling hubungan baik dengan aras signifikan 0.01, begitu juga dengan ujian Korelasi Pearson ke atas borang kaji selidik yang diedarkan ke seluruh Malaysia turut signifikan pada aras 0.01. Dalam konteks taburan sampel pula, ujian turut mengesan terdapat bentuk data yang normal melalui Ujian Kolmogorov-Smirnov (K-S), Shapiro-Wilks (S-W) dan *boxplot*. Bagi persampelan sebanyak 50 responden dalam ujian pilot, data kelihatan normal dalam ujian S-W, sebaliknya tidak semua normal dalam ujian K-S. Walau bagaimanapun, semakan ujian jenis ketiga dilakukan dengan menggunakan *boxplot* dan didapati ia adalah normal. Oleh itu, data pilot test dilihat normal dan boleh dipercayai untuk meneruskan kajian. Sebaliknya, ujian normaliti data setelah selesai kajian untuk seluruh Malaysia mendapati ketiga-tiga ujian statistik normaliti adalah jelas iaitu kesemuanya menunjukkan normal.

## Hasil dan perbincangan

Penelitian terhadap konstruk-konstruk yang mewakili patriotisme mendapati hanya satu aspek sahaja yang agak tinggi iaitu disiplin berbanding dengan aspek kefahaman, kebanggaan, sayang, kekitaan, kesetiaan dan produktiviti. Perbandingan hasil kajian mengikut aspek-aspek dalam patriotisme bagi golongan belia untuk setiap zon menjelaskan bahawa aspek kefahaman hanya Zon Sabah, Sarawak dan Selatan telah mencatatkan nilai min di tahap tinggi dengan bacaan nilai min masing-masing bagi zon tersebut adalah 7.45, 7.41 dan 7.1. Bagaimanapun, bacaan nilai min terendah untuk aspek kefahaman adalah Zon Utara iaitu 6.77 dan secara keseluruhan bagi aspek kefahaman golongan belia Malaysia menunjukkan bacaan nilai min adalah 7.09.

Bagi aspek kebanggaan pula hanya zon tengah sahaja yang mencatatkan bacaan nilai min pada skala sederhana, manakala bagi ke semua zon yang lain dan secara umumnya Malaysia menunjukkan bacaan nilai min pada skala tinggi. Zon timur dan Sarawak mencatatkan bacaan nilai min tertinggi iaitu 7.67 dan 7.7, situasi ini menggambarkan bahawa kedua-dua zon ini memiliki golongan belia yang sangat bangga menjadi rakyat Malaysia berbanding dengan zon-zon yang lain.

Seterusnya bagi aspek sayang kepada negara pula menjelaskan bahawa ke semua golongan belia di negara ini sayang kepada negara di tahap tinggi, kecuali zon tengah yang mencatatkan nilai min pada skala sederhana iaitu 6.78. Justeru, dalam konteks sayang kepada negara, pihak kerajaan perlu memberikan tumpuan memupuk kembali kesedaran untuk sayang kepada negara bagi golongan belia di Zon tengah yang diwakili oleh negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak. Namun secara keseluruhannya golongan belia di Malaysia sayang kepada negara yang dijelaskan melalui bacaan nilai min secara keseluruhan iaitu 7.20.

Berdasarkan hasil perbandingan patriotisme golongan belia bagi aspek kekitaan pula mendapati ke semua zon mencatatkan bacaan nilai min pada skala tinggi kecuali zon utara dan tengah sahaja yang menunjukkan bacaan pada skala sederhana iaitu 6.92 dan 6.66. Perasaan kekitaan atau kepunyaan (sense of belonging) adalah sangat penting untuk memupuk perpaduan antara kaum bagi negara Malaysia dan hal ini perlu dilakukan langkah yang proaktif dalam menangani hal ini di zon utara dan tengah. Sementara itu, bagi zon-zon lain perasaan kekitaan adalah baik dan memuaskan termasuklah, untuk Malaysia secara keseluruhannya dan bacaan nilai min tertinggi bagi aspek ini adalah di zon timur iaitu 7.53.

Aspek kesetiaan kepada negara bagi golongan belia juga mendapati hanya zon tengah yang mencatatkan nilai min pada skala sederhana iaitu 6.90 berbanding dengan zon-zon yang lain. Sekali lagi zon timur mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 7.59 berbanding dengan zon-zon lain. Aspek kesetiaan kepada negara merupakan satu perkara penting kerana mampu melahirkan patriotisme yang lain termasuklah berdisiplin, sayang dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia secara keseluruhannya mendapati aspek kesetiaan mencatatkan nilai min pada skala tinggi 7.28 dan menjelaskan kesetiaan rakyat Malaysia kepada negara adalah memuaskan.

Penilaian terhadap patriotisme dalam kalangan belia Malaysia juga merangkumi aspek disiplin. Hasil kajian mendapati ke semua zon mencatatkan bacaan nilai min pada skala tinggi dan zon timur telah menunjukkan bacaan nilai min tertinggi bagi aspek ini iaitu 7.81 manakala secara keseluruhan dalam konteks Malaysia pula bacaan nilai min adalah sebanyak 7.48. Situasi ini menjelaskan bahawa aspek disiplin rakyat Malaysia dalam konteks patriotisme adalah sangat memuaskan.

Aspek terakhir yang dinilai adalah produktiviti golongan belia kepada negara dan hasil kajian menunjukkan hanya zon tengah yang mencatatkan bacaan nilai min di skala sederhana iaitu 6.94 manakala ke semua zon lain menunjukkan bacaan nilai min di skala tinggi. Zon timur sekali lagi mencatatkan nilai min tertinggi berbanding dengan zon-zon lain iaitu 7.70 dan secara keseluruhannya bagi Malaysia nilai min bagi aspek ini adalah pada skala tinggi iaitu 7.36 (Jadual 3).

**Jadual 3. Perbandingan hasil kajian mengikut zon dan konstruk patriotism**

Bil.	Zon	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)	Min
	Malaysia	4	23	73	7.26
	Zon Utara	7	23	70	7.15
	Zon Selatan	2	22	76	7.27
	Zon Timur	4	16	80	<b>7.54</b>
	Zon Tengah	4	30	66	<b>6.80</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.23
	Zon Sarawak	5	17	78	7.50
1.	<b>Kefahaman</b>				
	Malaysia	5	25	70	7.09
	<b>Zon Utara</b>	9	31	60	<b>6.77</b>
	Zon Selatan	1	20	79	7.45
	<b>Zon Timur</b>	7	28	65	<b>6.92</b>
	<b>Zon Tengah</b>	5	29	66	<b>6.87</b>
	Zon Sabah	1	26	73	7.41
	<b>Zon Sarawak</b>	6	26	68	7.1

Bil.	Zon	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)	Min
2.	<b>Kebanggaan</b>				
	Malaysia	3	23	74	7.32
	Zon Utara	7	21	72	7.20
	Zon Selatan	2	23	75	7.31
	Zon Timur	4	14	82	7.67
	<b>Zon Tengah</b>	4	32	<b>64</b>	<b>6.86</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.20
	Zon Sarawak	4	15	81	7.7
3.	<b>Sayang</b>				
	Malaysia	4	23	73	7.20
	<b>Zon Utara</b>	8	23	<b>69</b>	7.03
	Zon Selatan	4	24	72	7.11
	Zon Timur	4	14	82	7.62
	<b>Zon Tengah</b>	4	33	<b>63</b>	<b>6.78</b>
	<b>Zon Sabah</b>	2	29	<b>69</b>	7.2
	Zon Sarawak	5	15	80	7.5
4.	<b>Kekitaan</b>				
	<b>Malaysia</b>	4	27	<b>69</b>	7.11
	<b>Zon Utara</b>	7	27	<b>66</b>	<b>6.92</b>
	<b>Zon Selatan</b>	3	29	<b>68</b>	7.05
	Zon Timur	4	16	80	7.53
	<b>Zon Tengah</b>	6	36	<b>58</b>	<b>6.66</b>
	<b>Zon Sabah</b>	1	32	<b>67</b>	7.1
	Zon Sarawak	4	19	77	7.4
5.	<b>Kesetiaan</b>				
	Malaysia	4	22	74	7.28
	Zon Utara	5	25	70	7.23
	Zon Selatan	3	22	75	7.24
	Zon Timur	4	14	82	7.59
	<b>Zon Tengah</b>	4	30	<b>66</b>	<b>6.90</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.2
	Zon Sarawak	5	15	80	7.5
6.	<b>Berdisiplin</b>				
	Malaysia	2	20	78	7.48
	Zon Utara	7	19	77	7.48
	Zon Selatan	1	19	80	7.45
	Zon Timur	3	11	86	7.81
	Zon Tengah	3	23	74	7.13
	Zon Sabah	0.5	28	71.5	7.32
	Zon Sarawak	5	13	82	7.7
7.	<b>Produktiviti</b>				
	Malaysia	3	21	76	7.36
	Zon Utara	5	19	76	7.42
	Zon Selatan	3	20	77	7.30
	Zon Timur	3	15	82	7.70
	<b>Zon Tengah</b>	4	29	<b>67</b>	<b>6.94</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.2
	Zon Sarawak	4	15	81	7.6

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan tahap patriotisme belia bagi Malaysia paling tinggi dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73 peratus dengan nilai min sebanyak 7.26. Perincian mengikut zon pula mendapati Zon Tengah paling bermasalah dengan patriotisme kerana statistik peratusan menunjukkan kategori tinggi hanya dicapai sebanyak 66 peratus dengan nilai min sebanyak 6.80. Sebaliknya, tahap penglibatan tinggi dicapai oleh lain-lain zon dengan nilai peratusan melebihi 70 peratus. Namun begitu,

Zon Timur kelihatan mendahului tahap patriotisme belia dengan nilai 80 peratus berada dalam kategori tinggi dan minnya juga kelihatan lebih tinggi berbanding dengan lain-lain zon. Oleh itu, jelas kajian menunjukkan bahawa terdapat dua senario ekstrim iaitu paling baik tahap patriotisme memperlihatkan Zon Timur dan paling kurang baik tahap patriotisme terlihat dalam Zon Tengah.

Justeru, kajian ini mencadangkan agar semakan semula kerangka sistem pendidikan formal serta tidak formal (seperti aktiviti atau program khas berterusan) agar benar-benar dapat melahirkan nilai kefahaman, rasa bangga, sayang, kekitaan, kesetiaan, disiplin dan berusaha untuk maju dalam kehidupan melibatkan soal sosio-ekonomi mahupun kerjaya demi negara tercinta. Hal ini penting sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh Mohd Hairul Anuar Razak et al. (2013) berkaitan dengan pemerkasaan aspek keilmuan dan pendidikan untuk belia demi pemantapan patriotisme. Malah, Grammes (2011) juga berpendapat bahawa hanya pendidikan yang baik mampu melonjakkan nilai patriotisme seseorang kepada negara. Justeru, kajian berpendapat pemerkasaan institusi pendidikan perlu dijalankan demi pemerkasaan semangat patriotisme belia di Malaysia. Bahkan, usaha yang dijalankan pada masa kini oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (belia) juga masih relevan kerana tahap patriotisme belia masih baik.

## Kesimpulan

Oleh demikian, pernyataan masalah yang dibangkitkan serta isu semasa yang berlegar dalam media massa tentang tahap patriotisme masyarakat termasuklah golongan belia yang rendah adalah kurang tepat. Kajian ini menolak isu semasa yang berlaku adalah disebabkan oleh tahap patriotisme belia yang rendah kerana hasil kajian menunjukkan belia Malaysia masih tinggi tahap patriotisme mereka. Kecuali, tahap patriotisme belia dalam kawasan Zon Tengah yang kelihatan sederhana atau lebih rendah berbanding dengan lain-lain zon. Sekiranya ingin dikaitkan dengan isu semasa yang menentang kerajaan, mencemarkan maruah bangsa serta negara, barangkali terkait dengan belia dalam Zon Tengah. Walau bagaimanapun, ia hanya sekadar statistik semata-mata yang mungkin kurang tepat untuk dibuat generalisasi tanpa penelitian dari pelbagai sudut atau pendekatan kajian. Namun begitu, statistik hasil kajian mungkin boleh menggambarkannya secara umum dan bukannya secara tepat untuk mengukur manusia yang agak rumit atau dinamik. Bahkan, tidak adil meletakkan isu semasa berkaitan dengan nilai patriotisme kepada Zon Tengah semata-mata kerana lain-lain zon juga kelihatan sedikit mempunyai masalah. Masalah yang dimaksudkan adalah kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan, kesetiaan kepada negara serta berusaha meningkatkan produktiviti demi negara. Justeru, apa yang penting adalah tahap patriotisme belia di Malaysia masih berada dalam kategori tinggi secara puratanya dan berada 73 peratus dalam skala tinggi iaitu 7 hingga 9.

## Rujukan

- Affifuddin Omar (2002) Dasar bahasa dan budaya Malaysia tidak konsisten. *Berita Harian*, 22 Ogos.
- Ahmad Ahmad Rusdi (2002) *Permasalahan pelaksanaan unsur patriotisme dalam mata pelajaran kajian tempatan: punca daripada guru sendiri*. Institut Penguruan Darulaman, Alor Setar.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri (2002) Patriotisme dan ketahanan nasional: suatu pandangan tentang kesignifikannya sebagai agenda negara. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Armstrong R (1987) The midpoint on a Five-Point Likert-Type Scale. *Perceptual and Motor Skills* **64**, 359-362.
- Azimi Hamzah, Turiman Suandi (1996) Isu dan cabaran dalam pembangunan belia: beberapa pemerhatian penting. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan, Seremban.

- Azimi Hamzah, Turiman Suandi (1997) Budaya cemerlang dalam pertubuhan belia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembangunan NGO Kuala Lumpur, anjuran Jabatan Belia dan Wilayah Persekutuan.
- Azimi Hamzah, Turiman Suandi, Ezhar Tamam (2002) *Persatuan belia di Malaysia: perkembangan dan penyerahan potensi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Billig M (1995) *Banal Nationalism*. Sage Publishers, London.
- Dzuhalimi Dahalan, Nobaya Ahmad, Md. Salleh Hassan, Mariah Muda, Jamilah Othman, Nor Azliza Wanis Abdullah (2011) The challenges of 1Malaysia and the reality of youth's involvement with the unity campaign on television. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 5(11), 2132-2138.
- Ezhar Tamam, Fazilah Idris, Wendy Yee Mei Tien, Azimi Hamzah, Rezal Hamzah (2006) News media socialization and ethnic tolerance among youth in malaysian. Kertas kerja ini dibentangkan di 15th AMIC Annual Conference Anjuran The Asian Media Information And Communication Center pada 17-20 July 2006, Pulau Pinang, Malaysia.
- Gomberg P (2002) Patriotism is like racism. Dlm. Primoratz I (Pnyt.) *Patriotism*, hlm. 105-112. Humanity Books, London.
- Grammes T (2011) Nationalism, patriotism, citizenship and beyond. *Journal of Social Science Education* 10(1), 2-11.
- Griffin D (2005) *Patriotism and poetry in eighteenth-century Britain*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Habermas J (1996) *Between facts and norms: contributions to a discourse Theory of Law and Democracy*. MIT Press, New York.
- Haminah Suhaibo (1999) *Kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran sejarah pelajaran sejarah di sekolah menengah atas Kuching*. Unit Sejarah, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Ismail Ibrahim (2010) *Gagasan 1Malaysia, peradaban dan identiti bangsa: pendekatan hadhari*. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jaizah Mahamud, Muhammad Khairuddin Lim Abdullah, Ibrahim Md. Nor (2001) *Tinjauan terhadap penerapan unsur patriotisme melalui mata pelajaran kajian tempatan di kalangan guru pelatih semasa menjalani praktikum*. Institut Penguruan Darulaman, Alor Setar.
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) (2004) *Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional*. Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) (2015) *Dasar Belia Malaysia 2015*. Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) *Buku Panduan Program Pengukuhkan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. KPM, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Buku Panduan Program Pengukuhkan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. KPM, Kuala Lumpur.
- Ku Hasnita Ku Samsu (2007) Pemupukan semangat patriotisme melalui proses sosialisasi politik. *Jati* 12, 131-145.
- Labovitz S (1967) Some observations on measurement and statistics. *Social Forces* 35, 515–522.
- MacIntyre A (1995) Is patriotism a virtue?. Dlm. Beiner, R. (Pnyt.). *Theorizing citizenship*, hlm. 209-228. State University of New York Press, New York.
- Malaysia (2009) *1Malaysia: rakyat didahulukan pencapaian diutamakan*. Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya.
- Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail, Siti Aishah Misri (2013) Penghayatan dan kesedaran patriotisme dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies* 8, 1-24.
- Nordin Kardi (2003) *Konsep patriotisme*. Available from: <http://www.btn.gov.my/kp>.
- Norman G (2010) Likert Scales, levels of measurement and the laws of statistics. *Advances in Health Science Education* 15(5), 625-632.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2015) Pakejan maklumat Berita Harian: perhimpinan haram BERSIH, pada 15 Jun 2011. / [Cited 18 June 2015]. Available from: <http://myrepository.pnm.gov.my>.

- Primoratz I (2002) Patriotism: a deflationary view. *The Philosophical Forum* **XXXIII**, 443-457.
- Reips U-D, Funke F (2008) Interval level measurement with visual analogue scales in internet-based research: VAS Generator. *Behavior Research Methods* **40**(3), 699–704.
- Sarifah Buyong (1998) Analisis penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dalam buku teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan Satu. Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Schatz RT, Staub E, Lavine H (1999) On the varieties of national attachment: blind versus constructive patriotism. *Political Psychology* **20**, 151-174.
- Sekaran U (2006) *Research methods for business: A skill building approach*. Ed. 6. John Wiley & Sons, New York.
- Traylor M (1983) Ordinal and interval scaling. *Journal of the Market Research Society* **25**(4), 297–303.
- Utusan Online (2010) *Rencana: belia dan patriotisme*. 27 Disember. [Cited 20 June 2015]. Available from: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/>.